

SEBARAN LEKSIKAL 'ULAR' DI NEGERI JOHOR BERDASARKAN PENGAPLIKASIAN SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI (GIS)

Khairul Ashraaf Saariⁱ, Harishon Radziⁱⁱ, Nor Hashimah Jalaluddinⁱⁱⁱ, Junaini Kasdan^{iv} dan Fazal Mohamed Mohamed Sultan^v

ⁱPelajar Siswazah, Universiti Kebangsaan Malaysia. P92931@siswa.ukm.edu.my

ⁱⁱPensyarah Kanan, Universiti Kebangsaan Malaysia. naslin@ukm.edu.my

ⁱⁱⁱ Profesor, Universiti Kebangsaan Malaysia. shima@ukm.edu.my

^{iv} Pensyarah Kanan, Universiti Kebangsaan Malaysia. junaini@ukm.edu.my

^v Pensyarah Kanan, Universiti Kebangsaan Malaysia. fazal@ukm.edu.my

Abstrak

Sebaran dialek mencerminkan pecahan pengkelasan subdialek yang wujud di sesuatu kawasan, contohnya di negeri Johor. Pemurnian penyebaran dialek di negeri tersebut secara tidak langsung dapat mencerminkan usaha pengkajian untuk memetakan isoglos dan koroplet terkini. Ekoran daripada stigma penutur yang memperagakan bentuk bahasa Melayu standard hanya wujud di negeri Johor, kajian ini mengambil inisiatif untuk memperincikan sebaran varian leksikal 'ular' secara lebih komprehensif. Kajian ini secara khusus bertujuan mengenal pasti sebaran varian dialek Melayu di keseluruhan Johor, menghuraikan perubahan leksikal bersandarkan angkubah linguistik dan angkubah bukan linguistik serta mencirikan bentuk sebaran menerusi paparan peta isoglos dan peta koroplet di kawasan penyelidikan. Justeru, kajian ini memberikan tumpuan kepada penyebaran varian leksikal 'ular' di 10 daerah kawasan kajian. Data diperoleh daripada soal selidik terhadap 900 responden yang meliputi pelbagai lapisan umur. Penyelidikan ini merupakan suatu bentuk kajian multidisiplin yang menggabungkan bidang linguistik dan teknologi berbantuan perisian Sistem Maklumat Geografi (GIS) berteraskan pendekatan deskriptif geolinguistik. Dapatan membuktikan bahawa terdapat tiga pengelasan dialek Melayu yang wujud di negeri Johor dengan paparan sebanyak lapan varian bagi mewakili leksikal kajian. Selain itu, kajian ini juga mampu memperagakan peta sebaran dialek dan faktor yang mempengaruhinya. Kajian ini bakal menjadi salah satu lanjutan dimensi penyelidikan sebaran varian di Malaysia yang berteraskan integrasi teknologi.

Kata kunci: *deskriptif geolinguistik, dialek Melayu, isoglos, koroplet, varian*

1.0 PENDAHULUAN

Penggunaan sesuatu bahasa tidak dapat tidak hadir dalam bentuk bebas variasi menurut Idris Aman dan Azlan Mis (2014). Bentuk variasi bahasa ini digelar sebagai dialek, iaitu merupakan pecahan daripada variasi penggunaan bahasa yang boleh diperlihat menerusi kelainan penggunaan bahasa. Newton (1972) menyatakan bahawa dialek berkembang daripada bahasa yang pada asalnya seragam tetapi lama-kelamaan mengalami perubahan dan perubahan ini berlaku disebabkan oleh pelbagai faktor, antaranya ialah faktor masa dan faktor geografi. Pencirian dialek Melayu di Johor merupakan salah satu pengkelasan dialek yang dipertuturkan dalam kontinum dialek Selatan yang dinyatakan oleh Asmah Hj Omar (1985). Meskipun penggunaan dialek Melayu di Johor ini sering kali dikaitkan sebagai pemilihan bahasa kebangsaan atau bahasa standard, namun ianya turut menunjukkan sebaran varian yang rencam berdasarkan penghijrahan dan kemasukkan daripada wilayah yang berhampiran.

2.0 METODOLOGI

Kajian ini merangkumi sebanyak 123 buah kampung dan sebanyak 900 orang penutur natif kawasan yang merangkumi tiga golongan iaitu golongan remaja, dewasa dan warga tua telah dipilih sebagai informan. Pemilihan titik kampung penyelidikan ini adalah berbantuan perisian GPS (Global Positioning System) dan penyediaan peta topografi oleh Pusat Sistem Perubahan Iklim Tropika (IKLIM), Universiti Kebangsaan Malaysia. Kajian ini telah menerapkan pendekatan deskriptif geolinguistik dalam membincangkan perubahan-perubahan yang melibatkan penggunaan varian leksikal 'ular' di kawasan kajian. Pemilihan leksikal 'ular' sebagai leksikal kajian adalah berpandukan penggunaan tahap kerencaman yang tinggi di kawasan kajian. Hal ini

disokong oleh Chiarello et al. (1999) yang menyatakan bahawa “*nouns have, on average, a higher degree of concreteness and imageability than verb*”.

3.0 HASIL DAN DAPATAN KAJIAN

Kepenggunaan varian dialek bagi leksikal ‘ular’ di negeri Johor boleh diperlihatkan menerusi gambaran rajah di bawah:

Jadual 1. Senarai varian leksikal ‘ular’


NO	DAERAH	BILANGAN	VARIAN LEKSIKAL /ular/ DI NEGERI JOHOR							
			L1- ular	L2- ulaw	L3- ulu	L4- ula?	L5- lenka	L6- ular	L7- tali pinggan	L8- galah
		VARIAN	L1	L2	L3	L4	L5	L6	L7	L8
1.	MUAR	3	/	/	/					
2.	BATU PAHAT	3	/		/				/	
3.	KLUANG	3	/		/			/		
4.	SEGAMAT	3	/	/	/					
5.	LEDANG	5	/	/	/		/	/		
6.	KULAI	2	/		/					
7.	KOTA TINGGI	3	/		/				/	
8.	JOHOR BAHRU	3	/		/			/		
9.	PONTIAN	5	/		/	/			/	/
10.	MERSING	4	/	/	/			/		
	PERATUSAN		100%	40%	100%	10%	10%	40%	30%	10%

Kadar penggunaan varian ‘ular’ di daerah Ledang dan daerah Pontian adalah lebih tinggi iaitu sebanyak lima variasi jika dibandingkan dengan daerah-daerah yang lain. Hal ini bersangkutan dengan penemuan yang dibuat dalam Johore Annual Report (1930) yang menyatakan bahawa “... *recently several new areas in the Muar, Batu Pahat dan Kukup districts have been alienated for padi planting*”. Hal ini ditambah pula oleh Khazin Mohd. Tamrin & Sukiman Bohari (1980) yang menyatakan bahawa “Di tiap-tiap kawasan lembah sungai dan parit telah diusahakan pertanian padi, boleh dikatakan tiap-tiap daerah di Johor terutama Muar, Batu Pahat dan sebahagian kawasan Pontian telah wujud kawasan baru untuk tanaman padi”. Menerusi sosio-ekonomi penanaman padi ini tidak dapat tidak untuk mengelak daripada gangguan hidupan liar termasuklah haiwan seperti ular yang gemar untuk bersarang di kawasan perairan. Seterusnya menerusi rakaman surat penyerahan tanah oleh Sultan Abu Bakar pada tahun 1879 kepada Syed Mohamed Al-Sagoff dalam Khazin Mohd. Tamrin dan Sukiman Bohari (1980) menyatakan :

“Bahawa adalah kita Yang Maha Mulia Maharaja Johor serta keturunannya dan waris—waris ganti kita telah mengurniakan sekeping tanah yang di tepi laut daerah Johor yang disebelah barat iaitu Kukub (Pontian) kepada Syed Mohamed bin Ahmad bin Abdul Rahman Al-Sagoff selama-lamanya akan jadi tempat ia bertanam-tanam akan segala tanaman apion”

4.0 PERBINCANGAN

Pencirian sebaran dialek bagi merujuk kepada leksikal 'ular' boleh diperlihatkan menerusi paparan peta sebaran isoglos dan koroplet di bawah:




Rajah 1. Sebaran dialek leksikal 'ular'

Perubahan varian bagi leksikal 'ular' di negeri Johor ini boleh dikelaskan sebanyak lapan jenis varian yang diguna pakai oleh penutur natif iaitu L1-ula, L2-ulaw, L3-ula, L4-ula?, L5-lerjka, L6-ular, L7-tali pinggan dan L8-galah, namun hanya tiga kelas subdialek sahaja yang berjaya ditemui menerusi paparan penggunaan leksikal kajian meliputi penutur natif di Johor. Varian L1-ula (penggunaan subdialek Melayu Johor Baharu), L2-ulaw (penggunaan subdialek Melayu Melaka) dan L3-ula (penggunaan subdialek Melayu Muar-batu Pahat) telah dipilih sebagai sebaran utama bagi leksikal 'ular' ini.

4.1 Varian [ula]

Sebaran varian [ula] ini dapat diperlihatkan menerusi kawasan peninggalan sejarah seperti di kawasan pemerintahan dan kawasan perdagangan terdahulu. Hal ini boleh dibuktikan menerusi paparan penggunaan di Kampung Johor Lama di Kota Tinggi. Mohd Kamaruzzaman (1998) menyatakan bahawa kegemilangan Kota Johor Lama (iaitu berhampiran dengan Kampung Johor Lama) terbukti apabila kota ini telah dijadikan ibu negeri sebanyak dua kali iaitu pada zaman pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Shah selama 24 tahun (1540-1564) dan zaman kegemilangan Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Shah II selama 13 tahun (1574-1587). Oleh yang demikian, faktor tersebut telah mendasari penggunaan varian [ula] yang utuh di kawasan tersebut.

Punca sebaran subdialek Melayu Johor Baharu juga turut boleh dipengaruhi oleh faktor geografi iaitu melibatkan kehadiran bukit bukau seperti gambaran isoglos di bawah. Bukit bukau yang hadir seperti Gunung Panti (453 meter), Bukit Sisek (411 meter), Bukit Kuayah Laut (268 meter), Bukit Tiga (46 meter), Bukit Aping (100 meter), Bukit Padang (58 meter), Gunung Gaong (272 meter), Bukit Nalik (215 meter), Bukit Tambun Tulang (150 meter), Gunung Muntahak (634 meter), Bukit Kayu Mati (130 meter) dan Bukit Kaha (100 meter) telah berjaya menghalang sebaran varian ini daripada meluas di Kampung Mawai Baharu, Kampung Temunin Lama, Kampung Lukut, Kampung Batu Empat dan Kampung Sungai Telor, Kota Tinggi.



Rajah 2. Isoglos

4.2 Varian [ulaw]

Sebaran bagi sudialek Melayu Melaka ini juga merupakan salah satu sebaran varian subdialek yang berjaya ditemui menerusi capaian pemetaan sebaran dialek ini. Perubahan varian [ulaw] ini telah mempamerkan fenomena perubahan yang melibatkan pertukaran segmen konsonan /r/ di posisi koda leksikal. Hal ini telah diperkukuhkan oleh Adi Yasran (2012) yang menyatakan bahawa, sebarang perkataan dalam dialek Muar yang berakhir dengan huruf /-ar/ akan digantikan dengan /ɔ/ manakala dalam dialek Melaka pula, ia akan digantikan dengan pengantian /aw/. Sebaran bagi varian ini amat dominan diguna pakai khususnya di Kampung Kesang.

Sebaran varian dialek Melayu Melaka ini juga dapat diperlihatkan menerusi penggunaan di daerah Mersing bagi leksikal 'ular'. Sebaran subdialek Melayu Melaka ini boleh diperlihatkan menerusi penggunaan di Kampung Hubong dan Kampung Seri Pantai, Mersing. Namun bentuk sebaran penggunaan varian tidak mendominasi penuh kampung tersebut. Hal ini berkait rapat dengan penemuan yang dibuat oleh Mohd Samsudin et al. (2010) yang menyatakan bahawa, kawasan perairan Mersing telah dianggap sebagai kawasan perlindungan angin dan ombak besar bagi kapal-kapal yang belayar ke Pahang dan Selatan Johor pada zaman keagungan empayar Melaka.

4.3 Varian [ulɔ]

Varian leksikal [ulɔ] merupakan salah satu sebaran varian subdialek Muar-Batu Pahat yang mempengaruhi sebaran antara yang terbesar di negeri Johor. Menurut Asmah Haji Omar (2008a) menyatakan bahawa capaian dialek Muar-Batu Pahat ini, ianya berkonotasi bahawa konsonan frikatif velar /r/ akan digugurkan dan seterusnya perubahan vokal /a/ kepada vokal /ɔ/. Selain itu, menerusi capaian perubahan segmen vokal /ɔ/ ini telah mengklasifikasikan tujuh vokal yang didasari dalam subdialek Muar-Batu Pahat yang kontra jika dibandingkan dengan subdialek Johor Baharu yang memilik enam vokal sahaja (Asmah Haji Omar 2008a).

4.4 Varian [ulaʔ]

Perubahan fonologi yang seterusnya adalah melibatkan varian leksikal [ulaʔ] yang berasal daripada leksikal 'ular' bagi masyarakat Bugis. Segmen konsonan [+sonoran, -koronal] /r/ telah berubah menjadi konsonan [-sonoran, -koronal] /ʔ/ bila berada di akhir kata. Andi Sukri Syamsuri (2019) menerusi bidang leksikostatistik iaitu dalam 'Kekerabatan Bahasa Bugis Wajo Indonesia dan Bahasa Bugis Pontian Malaysia' telah memaparkan varian [ulaʔ] merupakan salah satu varian bagi leksikal /ular/ yang diguna pakai oleh masyarakat Bugis di daerah Pontian khususnya di Kampung Sungai Burong.

4.5 Varian [leŋka] , [tali pingaŋ] dan [galah]

Manakala varian leksikal bagi [leŋka] , [tali pingaŋ] dan [galah] pula merupakan suatu bentuk kata kiasan atau lebih dikenali sebagai bentuk eufemisme bagi merujuk kepada leksikal /ular/. Menurut Hamidah Abdul Wahab et al. (2016) mentakrifkan bentuk eufemisme sebagai satu bentuk kiasan yang menggambarkan sesuatu rujukan dengan cara memberi kesan yang baik, terutamanya apabila item yang dirujuk itu mempunyai konotasi yang buruk, kasar dan sebagainya. Hal ini telah diperkukuhkan oleh Allan dan Burridge (1991) bahawa, “*a euphemism is used as an alternative to a dispreferred expression, in order to avoid possible loss of face: either one’s own face, through giving offense, that of the audience, or of some third party*”. Hal ini boleh diperlihatkan menerusi gambaran Kampung Kaki Bukit Soga yang berhampiran dengan Hutan Lipur Gunung Soga, Kampung Beluar Durian yang berhampiran dengan hutan paya bakau dan Kampung Sungai Senai yang berhampiran dengan Sungai Senai.

4.6 Varian [ular]

Perubahan penggunaan varian [ular] ini pula tidak mempamerkan sebarang perubahan daripada arus bidang fonologi. Penggunaan varian ini merupakan suatu bentuk kata akar iaitu yang bersifat bahasa standard bagi menggambarkan leksikal kajian /ular/ itu sendiri. Oleh yang demikian, perubahan ini tidak mempunyai sebarang atur rumus perubahan yang spesifik yang perlu diamati. Faktor penggunaan ini kerap kali disebabkan oleh faktor kebandaran iaitu merupakan suatu fenomena penggunaan daftar kata yang berunsurkan formal bagi menggambarkan tahap kawasan yang maju dan berstatus metropolitan. Selain itu, faktor akomodasi juga merupakan salah satu penyebab berlakunya penggunaan varian yang berstatus bahasa Melayu standard. Menurut Asmah Haji Omar (1999) menyatakan bahawa akomodasi bahasa merupakan proses yang berlaku apabila penutur cuba untuk menyesuaikan bahasanya dengan bahasa pihak yang lain.

5.0 KESIMPULAN

Pengamatan pada kajian yang berdasarkan atlas dialek khususnya penglibatan menerusi kawasan yang berstatus penggunaan bahasa standard ini kurang diberikan penelitian yang mendalam. Kajian ini telah berjaya memaparkan sebanyak 8 sebaran varian yang wujud di negeri Johor berdasarkan penggunaan bagi leksikal ‘ular’. Di samping mempamerkan sebaran yang rencam di keseluruhan negeri Johor, kajian ini juga turut mempamerkan faktor yang mendasari setiap perubahan berpandukan analisis geolinguistik.

RUJUKAN

- Adi Yasran. (2012). *Perbandingan Aspek Fonologi Dialek Muar dan Melaka berdasarkan Teori Transformasi Generatif*. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi: Universiti Putra Malaysia
- Allan K. dan Burridge, K. (1991). *Euphemism & Dysphemism Language Used as Shiled and Weapon*. Oxford: Oxford University Press.
- Andi Sukri Syamsuri (2019). *Kekerabatan bahasa Bugis Wajo Indonesia dan bahasa Bugis Pontian Malaysia: Kajian Leksikostatistik*. Badan Pengembangan dan Pembinaan Bahasa. Kongres Bahasa Indonesia.
- Asmah Haji Omar. (1999). *Bahasa Standard, Dialek dan Dialek-antara: Beberapa Persoalan Teoretis*. Journal of Modern Languages Vol. 12 No. 1. ISSN 2462- 1986
- Asmah Haji Omar. (2008). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Cetakkan Kedua. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur
- Asmah Hj. Omar. (1985). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chiarello, Christine, Connie Shears & Kevin Lund. (1999). *Imageability and distributional typicality measures of nouns and verbs in contemporary English*. Behavior Research Methods, Instruments and Computers 31: 603- 637

- Hamidah Abdul Wahab, Imran Ho Abdullah, Mohammed Azlan Mis dan Khazriyati Salehuddin. (2016). *Analisis Eufemisme Kematian Masyarakat Melayu Sarawak dari Perspektif Semantik Kognitif*. GEMA Online Journal of Language Studies Volume 16(2).
- Idris Aman dan Azlan Mis. (2014). *Variasi Bahasa*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khazin Mohd Tamrin, dan Sukiman Bohari. (1980). *Orang Jawa Pontian: Kedatangan dan Kegiatannya dalam Aspek Sosio-Ekonomi dan Politik Tempatan*. Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies 35-66.
- Mohd Kamaruzzaman. (1998). *Peninggalan Sejarah di Pesisiran Sungai Johor*. Yayasan Warisan Johor Bahru.
- Mohd Samsudin, Marsitah Mohd Radzi, Azima Abdul Manaf dan Nor Jana Saim. (2010). *Warisan Sejarah dan Pelancongan Mersing serta Kepulauan*. Penyelidikan Pantai Timur Johor: Mersing Warisan Terpelihara
- Newton dan Brian. (1972). *The Generative Interpretation of Dialect: A Study of Modern Greek Phonology*. Cambridge University Press.

PENGHARGAAN

Sumber penajaan untuk penghasilan kertas kerja adalah menerusi Gran Universiti Penyelidikan (GUP) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia bernombor GUP-2017-113.

BIODATA RINGKAS PENULIS

- Khairul Ashraaf Saari merupakan pelajar Sarjana di Pusat Literasi Transformasi Sosiobudaya, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Harishon Radzi merupakan pensyarah kanan di Pusat Literasi Transformasi Sosiobudaya, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah morfologi dan geolinguistik.
- Nor Hashimah Jalaluddin merupakan profesor di Pusat Literasi Transformasi Sosiobudaya, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah leksikografi dan geolinguistik. Antara penerbitan beliau adalah
- Junaini Kasdan merupakan pensyarah kanan di Institut Alam & Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah gastronomi dan geolinguistik.
- Fazal Mohamed bin Mohamed Sultan merupakan pensyarah kanan dan ketua Program Linguistik di Pusat Literasi Transformasi Sosiobudaya, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Sintaksis dan geolinguistik.